



## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Anda perlu membaca Helaian Keterangan Produk ini dan terma dan syarat sebelum membuat keputusan untuk membeli produk ini.

### i-Med

#### 1. Apakah i-Med?

i-Med adalah satu produk insurans perubatan tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui setiap tahun yang menawarkan perlindungan perubatan, hospitalisasi dan bayaran pembedahan sehingga umur 70, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

#### 2. Apakah jenis perlindungan/manfaat yang diberikan?

Manfaat-manfaat yang ditawarkan dinyatakan dalam jadual di bawah dan tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan bagi Pelan yang dibeli.

MANFAAT PELAN	PELAN 1 (RM)	PELAN 2 (RM)
<b>A) MANFAAT HOSPITAL</b>		
Bilik & Penginapan Harian (maksimum 200 hari bagi setiap ketidakupayaan)	150	250
Unit Penjagaan Rapi (maksimum 100 hari bagi setiap ketidakupayaan)	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
Pembekalan & Perkhidmatan Hospital		
<b>B) MANFAAT PEMBEDAHAN</b>		
Bayaran Pembedahan	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
Bayaran Pembiusan		
Bilik Pembedahan		
<b>C) MANFAAT RAWATAN PERUBATAN (BUKAN PEMBEDAHAN)</b>		
Lawatan Harian Doktor di Hospital (2 lawatan setiap hari)	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
<b>D) MANFAAT PESAKIT LUAR</b>		
Pembedahan Harian & Manfaat Penjagaan Harian	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
Bayaran Ambulans		
<b>E) DIALISIS BUAH PINGGANG PESAKIT LUAR &amp; RAWATAN KANSER PESAKIT LUAR</b>		
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
Rawatan Kanser Pesakit Luar		
<b>F) MANFAAT LAIN</b>		
Cukai Perkhidmatan Hospital	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
<b>HAD TAHUNAN KESELURUHAN (TERMASUK MANFAAT A HINGGA F)</b>	<b>60,000</b>	<b>90,000</b>
<b>HAD SEUMUR HIDUP KESELURUHAN</b>	<b>Tiada Had</b>	

**Peringatan:** Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk definisi, terma dan syarat yang tepat.

#### 3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium tahunan yang Anda perlu bayar adalah mengikut Pelan yang Anda pilih dan berdasarkan umur Anda dan apa-apa bebanan pengunderaitan semasa pembelian atau pembaharuan Polisi.

Umur Semasa	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)
18-25	502.00	709.00
26-30	523.00	738.00
31-35	573.00	814.00
36-40	659.00	942.00
41-45	746.00	1,069.00
46-50*	1,035.00	1,497.00
51-55*	1,387.00	2,015.00
56-60*	1,836.00	2,678.00
61-65*	2,558.00	3,745.00
66-70*	3,553.00	5,212.00

\* Untuk pembaharuan sahaja.

Premium adalah TIDAK TERJAMIN dan akan meningkat berdasarkan umur Anda semasa pembaharuan. Kami berhak untuk megubah premium dengan memberi Anda notis awal secara bertulis tiga puluh (30) hari.

#### 4. Apakah jenis bayaran dan caj yang perlu saya bayar ?

Duti Setem – Anda harus membayar duti setem dan mana-mana cukai berkaitan yang dikenakan pada kadar semasa.

#### 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan – Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting yang boleh mempengaruhi profil risiko Anda dan / atau Orang yang Diinsuranskan seperti pekerjaan dan umur dengan tepat.
- Tempoh pengamatan percuma – Anda berhak untuk memulangkan Polisi ini dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Kami menghantar Polisi kepada Anda, sekiranya, untuk apa-apa sebab, Anda tidak berpuas hati dengan Polisi ini. Sekiranya Polisi dipulangkan, Polisi ini akan dianggap tidak sah dari permulaan dan sebarang premium yang dibayar, tanpa faedah, akan dipulangkan kepada Anda, menolak sebarang bayaran pemeriksaan perubatan yang dikenakan.
- Tempoh Tenggang – Tempoh selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh pembayaran (termasuk) akan diberi untuk membayar setiap premium yang perlu dibayar, yang dalam tempoh tersebut, Polisi ini akan kekal berkuat kuasa. Sekiranya terdapat premium yang belum dibayar pada hujung Tempoh Tenggang, Polisi ini akan ditamatkan.
- Apabila berlaku tuntutan, Anda atau wakil Anda dikehendaki untuk mengemukakan notis bertulis kepada Kami. Sebarang kelewatan dalam berbuat demikian boleh menjejaskan pentaksiran tuntutan di pihak Kami. Sila hubungi pegawai perkhidmatan pelanggan Kami yang akan membimbing Anda atau wakil Anda dalam mengemukakan tuntutan.

**Nota:** Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Polisi ini.

#### 6. Apakah pengecualian utama di bawah Pelan ini?

i-Med tidak melindungi hospitalisasi, pembedahan atau caj yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

- Penyakit Sedia Ada; atau
- Penyakit Tertentu dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari Tarikh Permulaan Risiko; atau
- mana-mana Ketidakupayaan (kecuali Kecelakaan) dan tanda atau gejala yang muncul dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Permulaan Risiko; atau
- Penyakit Sedia Ada; atau
- Pembedahan plastik atau kosmetik dan rawatan berkaitan; atau
- Sunat atau sebarang Pembedahan pada kulup; or
- Pemeriksaan mata atau Pembedahan untuk pembedahan rabun jauh, rabun dekat atau astigmatisme atau keratotomi atau Lasik; atau
- Keadaan gigi termasuk rawatan gigi oleh Doktor Gigi atau Pembedahan mulut kecuali diperlukan oleh Kecelakaan akibat Kemalangan ke atas gigi asli yang sihat yang terjadi sepenuhnya semasa tempoh Insurans.

**Nota:** Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Polisi ini.

#### 7. Bolehkah saya membatalkan Pelan ini?

Anda boleh membatalkan Polisi Anda dengan memberi Kami notis bertulis terdahulu. Kami akan memulangkan peratusan premium kepada Anda dengan syarat tiada tuntutan dibuat untuk Polisi ini pada Tahun Polisi semasa. Jumlah premium dipulangkan akan berdasarkan tempoh Polisi berkuat kuasa:

Tempoh Tidak Melebihi	Pemulangan Peratusan Premium Tahunan	Pemulangan Peratusan Premium Bulanan
15 hari *	90%	Tiada pulangan
1 bulan	80%	
2 bulan	70%	
3 bulan	60%	
4 bulan	50%	
5 bulan	40%	
6 bulan	30%	
7 bulan	25%	
8 bulan	20%	
9 bulan	15%	
10 bulan	10%	
11 bulan	5%	
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pulangan	

\* Tidak berkenaan pada Tahun Polisi pertama

#### 8. Apa yang perlu saya lakukan jika berlaku perubahan maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting untuk Anda memberitahu Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan mengenai maklumat perhubungan Anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada Anda tepat pada masanya.

#### 9. Di manakan saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika Anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan insurans hayat, sila rujuk buku maklumat insurans tentang "Insurans Perubatan & Kesihatan" yang terdapat di semua cawangan Kami atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

**Gibraltar BSN Life Berhad** 199301022976 [277714-A]

Level 21 Mercu 2, KL Eco City, No.3 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Khidmat Pelanggan: 1300-22-6262 (Bebas Tol) / 03-2298 0088 (Talian Terus)

[www.GibraltarBSN.com](http://www.GibraltarBSN.com) E-mel: [customerservice@gibraltarbsn.com](mailto:customerservice@gibraltarbsn.com)

#### 10. Pelan-pelan lain yang serupa.

Sila hubungi Kami untuk produk-produk lain yang serupa yang Kami tawarkan.

#### NOTA PENTING:

**MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG MEMENUHI KEPERLUAN SERTA BERSESUAIAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**INI ADALAH PRODUK SALURAN LANGSUNG. IA ADALAH PRODUK PERLINDUNGAN TULEN TANPA NILAI TUNAI.**

Gibraltar BSN Life Berhad adalah berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 1 Mac 2019